

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG (KEPONG)

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG (KEPONG) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah polis yang di tahan kerana positif dadah sejak pelantikan Tan Sri Abdul Hamid Bador sebagai Ketua Polis Negara. Adakah wajar mereka yang ditangkap tersebut masih berada di dalam perkhidmatan Polis Diraja Malaysia yang berperanan sebagai sebuah agensi penguatkuasaan undang-undang.

JAWAPAN

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada statistik Polis Diraja Malaysia, semenjak Tan Sri Dato' Seri Panglima Abdul Hamid bin Bador dilantik sebagai Ketua Polis Negara mulai 23 Mei 2019 iaitu lebih lima bulan yang lepas, seramai 252 orang pegawai dan anggota PDRM yang telah ditahan dan didapati positif di dalam pengambilan dadah.

PDRM sangat memandang serius mengenai masalah ini. Sehubungan dengan itu, manamana pegawai atau anggota yang didapati terlibat atau disabitkan dengan kesalahan dadah akan menghadapi tindakan tatatertib di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993 yang boleh dikenakan hukuman daripada amaran sehinggalah buang kerja. Sekiranya dia disabitkan kesalahan di mahkamah, pegawai atau anggota boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan 33, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan &

SOALAN NO : 7

Tatatertib) 1993 yang mana boleh dikenakan hukuman sehingga buang kerja. Selain daripada itu, tindakan-tindakan tatatertib di bawah Peraturan 37, peraturan yang sama di bawah kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan hukuman sehingga turun pangkat dan buang kerja.

Di samping itu, pihak Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) juga mengambil tindakan di bawah Peraturan 7, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993, di mana pegawai penyiasat tatatertib akan membawa pegawai atau anggota terlibat berjumpa dengan pegawai perubatan untuk mengambil sampel darah atau air kencing sebagai pengesahan kedua jika laporan patologi didapati negatif.

JIPS juga telah melaksanakan Program MYPS Indah bagi program pemulihan yang dianjurkan oleh bahagian agama dan kaunseling, khusus kepada warga PDRM yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah bagi kes-kes yang tidak dituduh di mahkamah kerana laporan ujian air kencing daripada patologi didapati negatif.

Terima kasih.